

# Syarikat pemaju perlu tembusi pasaran China

UM 14 NOV 2001

KLJALA LUMPUR 13 Nov. — Syarikat pemaju terutamanya yang terlihat dalam sektor pembinaan digesa mengambil langkah-langkah untuk menembusi pasaran China yang sedang berkembang.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata walaupun seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun sedang menghadapi kelembapan ekonomi sejak dua dekad lalu, China dengan penduduk sebanyak 1.3 bilion orang

sedang mengalami perkembangan ekonomi yang pesat.

“Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah menyatakan bahawa Malaysia tiada pilihan lain melainkan menumpang di atas perkembangan negara China,” katanya dalam ucapan pada majlis penganugerahan sijil MS ISO 9002 kepada Kinta Kellas Plc.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan Tan Sri Ramli Ngah Talih.

Dr Ling berkata sejak dua dekad lalu, kerajaan telah menggalakkan sektor korporat tempatan mempraktikkan Dasar Pandang ke Timur terutamanya ke Jepun dan Korea.

“Kini tiha masanya untuk syarikat tempatan menenceburi pasaran di Timur seperti Indonesia, India dan China,” katanya.

Kinta Kellas dianugerahkan Sijil MS ISO 9002 dari Sirim QAS Sdn. Bhd. bagi skop penyediaan aktiviti pengurusan projek da-

lam sektor pembinaan untuk tahun yang kedua.

Pada majlis yang sama Kinta Kellas, syarikat perunding projek mega, melancarkan Kinta Kellas InfoNet, satu sistem terkini berteraskan web.

Pengerusi Kinta Kellas Tengku Ahmad Rithauddeen berkata pelaksanaan sistem dengan peruntukan RM4 juta untuk dua hingga tiga tahun akan datang ini, bertujuan meningkatkan lagi fungsi pengurusan projek di Kinta Kellas. — Bernama